



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**OPERASI SEPADU KE ATAS PENGGUNAAN ALAT SUKATAN DAN TIMBANGAN,
BARANGAN DI KAWAL HARGA DAN PAPARAN TANDA HARGA**

1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan operasi bersepadu secara bulanan ke atas beberapa buah premis perniagaan di Daerah Brunei Muara pada hari Khamis, 17 Oktober 2024.
2. Hasil daripada operasi tersebut didapati sebanyak enam belas (16) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Kesemua alat-alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983, Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).
3. Sementara itu, JPES telah mengeluarkan satu Notis Amaran kepada sebuah premis perniagaan kerana melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di mana syarikat tersebut gagal memaparkan tanda harga pada beberapa barangan yang dijual di dalam premis perniagaan. Syarikat tersebut telah diingatkan mengenai kepentingan memaparkan tanda harga dengan jelas dan betul bagi membolehkan pengguna membuat keputusan pembelian yang bermaklumat. JPES juga menekankan mengenai keperluan mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dalam membantu mewujudkan persekitaran perniagaan yang wajar.
4. Premis perniagaan yang dibuat pemeriksaan mengejut adalah Syarikat Perusahaan Zanur Asli, Syarikat Haider Sdn Bhd, Syarikat Mahamas Sdn Bhd, Syarikat Nabil Enterprise dan Syarikat Soon Lee Mega Mart.
5. Para pengguna alat sukat dan timbang adalah dinasihatkan untuk memastikan alat-alat sukatan dan timbangan yang digunakan semasa aktiviti jual beli yang melibatkan bacaan tanda berat, isipadu, ukur panjang dan lebar, alat-alat tersebut mempunyai pelekat pendaftaran yang mengandungi tempoh penggunaan yang sah yang dikeluarkan oleh Unit SDT. Di samping itu, para peniaga juga dinasihatkan untuk sentiasa peka dan mengemaskini harga maksimum bagi barangan yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dengan antarlainnya menyemak harga terkini di dalam aplikasi mudah alih PenggunaBijak, dan sentiasa mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul pada barangan yang dijual di premis perniagaan.

6. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut:
- i. Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau talian 2334092; dan
 - ii. Jabatan Hal Ehwal Pengguna melalui Talian Darussalam 123 dan aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau e-mel kepada: aduanpengguna@jpes.gov.bn

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

E-mel: sdt@mofe.gov.bn

Rujukan : (060) KKW/SDT/ENF/04
Tarikh : 18 Rabiulakhir 1446 / 22 Oktober 2024



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**JOINT OPERATION ON WEIGHTS AND MEASURES MACHINES,
PRICE-CONTROLLED ITEMS AND PRICE DISPLAYS**

1. Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) and Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through Department of Consumer Affairs under the Ministry of Finance and Economy conducted a monthly Joint Operation which was carried out at several business premises in Brunei Muara District on Thursday, 17 October 2024.
2. During the operation, SDT officers found sixteen (16) units of weighing machines used for trading purposes. All weighing machine are verified, accurate and registered accordance to Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 dan Weights and Measures (Verification) Regulations 1994 Chapter 3 (1) and (2).
3. Meanwhile, DEPS has issued a Warning Notice to one business premise for violation of the Price Control Act, Chapter 142 and its Regulations where the company has failed to display prices on several items found in the business premise. The company is reminded on the importance of displaying prices accurately and clearly to help consumers make informed-purchase decisions. DEPS also emphasised the need to adhere to the Price Control Act, Chapter 142 in helping to build a fair business environment.
4. The business premises that were inspected are Syarikat Perusahaan Zanur Asli, Syarikat Haider Sdn Bhd, Syarikat Mahamas Sdn Bhd, Syarikat Nabil Enterprise dan Syarikat Soon Lee Mega Mart.
5. Consumers are advised to ensure weighing and measuring machines used during trading activities that involving weight, volume and length of the devices bear valid registration sticker issued by the Unit SDT. Additionally, retailers are reminded to be diligent and continuously update the maximum prices for price-controlled items under the Price Control Act, Chapter 142 through means such as checking for the latest prices in the PenggunaBijak App, and to clearly and accurately display prices of goods sold in business premise.
6. For any enquiries, public may contact the relevant agencies as follows:
 - i. Weights and Measures Unit via email: sdt@mofe.gov.bn or contact at 233 4092; and
 - ii. Department of Consumer Affairs via Talian Darussalam 123 and PenggunaBijak app, or e-mail: consumercomplaint@jpes.gov.bn

-2-

-END-

Prepared by:

Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE),
Ministry of Finance and Economy.

E-mail: sdt@mofe.gov.bn

Reference: (060) KKW/SDT/ENF/04

Date: 18 Rabiulakhir 1446 / 22 October 2024

**OPERASI SEPADU UNIT SUKATAN DAN TIMBANGAN DAN JABATAN HAL EHWAL
PENGGUNA, JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK (JPES)
DI DAERAH BRUNEI MUARA**

